

'Malaysia perlu bergerak pantas bina ekosistem mantap pacu AI'

Perdana Menteri gariskan empat teras teroka pemikiran baharu era pasca normal

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia perlu bergerak pantas membina ekosistem mantap bagi memacu perkembangan dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam era pasca normal pada masa ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, selepas setahun setengah menerajui kerajaan, beliau melihat cabaran dihadapi negara adalah ke-sungguhan meneroka pemikiran baharu dan melaksanakannya dengan pantas.

"Saya tegaskan, kita tidak boleh dengan pendekatan lama. Kalau kita rasa perlu tambah ju-

ru-tera, harus ada pendekatan segera kerana dalam pasca normal ini, memaksa dan menuntut kita membuat perubahan dengan pantas dan cepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Malaysia Artificial Intelligence (AI) Nexus 2024 - Boosting the Future (MY AI NEXUS) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia, semalam.

Anwar turut menggariskan empat teras ekosistem berkenaan, iaitu tadbir urus AI (AI governance) untuk memastikan ekosistem inovasi AI yang sistematik, di samping pemangkin AI melalui Malaysia Artificial Intelligence Consortium (MAIC) bagi memastikan penyelarasan dalam bidang pendidikan, pembangunan dan aplikasi AI.

Selain itu, pembangunan industri AI melalui kerjasama dengan syarikat multinasional dan keempat, bakat AI yang merangkumi profesional dan individu berkemahiran melalui program pendidikan dan latihan serta kerjasama industri dengan akade-

mi. Yang turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr

Zambry Abdul Kadir; Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil; Menteri Digital Gobind Singh Deo serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang.

Bagi memastikan Malaysia ada ekosistem mantap untuk menarik pelaburan dalam bidang berkenaan, Anwar meminta semua menteri yang terbabit untuk memberi fokus terhadap penjawat awam, universiti dan institusi latihan bahawa harus ada langkah segera ke arah itu.

Lahir lebih ramai jurutera

Anwar yang turut melancarkan Fakulti AI, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada majlis saraa, memuji kejayaan universiti itu membangunkan fakulti AI dalam tempoh empat bulan selepas diminta kerajaan.

Beliau turut menekankan keperluan melahirkan lebih ramai jurutera berkemahiran memandangkan Malaysia ketika ini kekurangan kira-kira 30,000 jurutera bagi memenuhi keperluan industri.

Sementara itu, Anwar memberi tempoh dua minggu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk me-

nyiapkan akses kepada maklumat serta kajian sedia ada pada peringkat kementerian dan agensi kerajaan bagi penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata, akses itu akan diberikan melalui pengkomputeran awan dengan penyelarasan oleh MOSTI dan inisiatif terbabit bakal memperkasakan AI di negara ini.

"Perkara ini penting supaya kita tahu jika nak buat pinjaman atau maklumat lain, sediakan format ringkas untuk disampaikan.

"Berikan kita dua minggu untuk semua universiti terima... yang akan koordinasi ialah Chang Lih Kang (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi)," katanya ketika Sesi Temu Anwar yang dikendalikan oleh moderator, Hawa Rizwana Ahmad Redzuan.

Anwar menjawab soalan dimumukakan wakil pelajar berhubung kesediaan negara mempersiapkan kemudahan komputer berprestasi tinggi yang boleh diakses secara berpusat atau dalam talian.

Pada sesi sama, Perdana Menteri turut ditanya sama ada kerajaan akan memberi insentif ke-

pada mahasiswa yang melanjutkan pelajaran dalam bidang AI.

"Untuk pelajar yang mengambil bidang AI, kita menyediakan kemudahan dan latihan terbaik. Elaun sedia ada dikekalkan dan melihat kepada prestasi semasa mereka," katanya.

Anwar seterusnya menggesa KPT, universiti dan institusi latihan untuk berinteraksi dengan wakil industri mengenai keperluan meningkatkan mutu latihan bagi melahirkan jurutera berkemahiran tinggi.

"Saya tanya wakil Nvidia, Google, Microsoft, Amazon, Huawei serta Ericsson dan semua menyatakan dari segi disiplin anak-anak kita, jurutera baharu dan graduan sains cukup baik, tetapi ada kekurangan dari segi kemahiran, keterampilan dan pengkhususan yang diperlukan," katanya.

Perdana Menteri berkata, universiti dan institusi latihan perlu memberi penekanan kepada kualiti jurutera dilahirkan dan bukan bilangan semata-mata kerana pelaburan dalam negara akan terjejas jika industri berasaskan kemahiran mereka tidak mencapai tahap diperlukan.